

**9 anggota panel reformasi pilihan raya**  
**Berita Harian Online**  
**Ogos 18, 2011**  
**Oleh Haika Khazi dan S Anand Kumar**

**Lima Ahli Parlimen wakili BN, tiga pembangkang serta seorang daripada Bebas**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Pemilihan Parlimen bertujuan membincangkan reformasi pilihan raya yang perlu dilakukan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin akan dianggotai seramai sembilan Ahli Parlimen termasuk wakil pembangkang dan Bebas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata penubuhan jawatankuasa itu dipersetujui Kabinet yang bermesyuarat pagi semalam dengan menetapkan Barisan Nasional (BN) diwakili lima Ahli Parlimen manakala pembangkang terdiri daripada tiga orang dan seorang wakil rakyat Bebas.

Beliau berkata, usul bagi penubuhan jawatankuasa itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Oktober ini, selain satu pertemuan akan turut diadakan bersama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam tempoh terdekat ini untuk membincangkan rangka kerja mengenainya.

"SPR akan menyediakan memorandum bagi membolehkan kita membentangkannya di Dewan Rakyat dan kini setiap parti politik termasuk Bebas boleh berbincang untuk menentukan wakil masing-masing.

"Sudah tentunya kita (BN) akan turut berbincang mengenai pemilihan wakil kita dalam jawatankuasa itu dalam tempoh terdekat ini," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Isnin lalu, Perdana Menteri berkata jawatankuasa itu membolehkan kata sepakat dicapai untuk mengendalikan pilihan raya akan datang tanpa sebarang perasaan syak wasangka kononnya kerajaan melakukan manipulasi seperti yang dipertikaikan pembangkang dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Najib berkata, jawatankuasa berkenaan adalah tindak balas proaktif kerajaan BN bagi menangani pertikaian mengenai pilihan raya bebas dan adil yang dibangkitkan pihak tertentu baru-baru ini sehingga mencetuskan pelbagai pendapat serta polemik.

Di **PUTRAJAYA**: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyokong penuh cadangan penubuhan jawatankuasa berkenaan berkata beliau percaya ia dapat membantu kerajaan menambahbaik sistem pilihan raya di Malaysia pada masa depan.

Katanya, penubuhan jawatankuasa itu akan menyelesaikan pelbagai isu yang timbul termasuk pertindihan alamat kediaman pengundi berdaftar.

"Saya masih ingat ketika saya menjadi Perdana Menteri dulu terdapat cubaan pembangkang menipu dengan memindahkan lebih 50 nama pengundi berasal dari tempat lain ke satu alamat rumah sama.

"Jadi saya melihat terdapat keperluan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen bagi menangani masalah terbabit," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Bencana NSTP-Media Prima untuk membantu mangsa kebuluran di Somalia di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan secara umumnya sistem pilihan raya di Malaysia adalah telus dan adil.

"Saya mahu menegaskan bahawa adalah mustahil untuk kita melihat lebih 99 peratus undi hanya akan berpihak kepada sebuah parti.

"Di Malaysia setiap kali pilihan raya kita boleh melihat parti pembangkang akan memenangi kerusi dan menguasai negeri tertentu.

"Mungkin ada sesuatu yang tidak kena tetapi secara keseluruhannya sistem pilihan raya di Malaysia adalah bersih," katanya.

© Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source: <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/9anggotaipanelreformasipilihanraya/Article>